

Pentaksiran Berasaskan Projek (PBP) sebagai Alternatif Pengganti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)

Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi¹, Aniss Tanisha Binti Abdul Razak², Mohd Syaubari Bin Othman³,
Kama Shafeei⁴, Mohd Ridhuan Mohd Jamil⁵

^{1,2,3,4,5}Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak

ABSTRAK

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) adalah satu proses pembelajaran secara aktif yang dilakukan dengan mengolah pengalaman melalui cara mendengar, membaca, menulis, perbincangan, merefleksi rangsangan dan menyelesaikan masalah. Ia dipilih menjadi suatu pembelajaran alternatif dalam menggantikan UPSR. Tujuan pembangunan ini adalah untuk menilai perkembangan pembelajaran murid. Maklumat daripada pentaksiran tersebut digunakan untuk merancang tindakan susulan. Menerusi PBP ini, guru diberi pendedahan berkaitan konsep, tujuan, ciri-ciri, kaedah, aspek yang ditaksir dan pengaplikasian di dalam bilik darjah. Artikel ini telah menggunakan kaedah soal selidik 17 item soal selidik yang dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian I, berkaitan latar belakang responden manakala bahagian II adalah kepentingan dan keperluan penilaian bagi menggantikan upsir. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pentaksiran berasaskan PBP adalah mampu digarap menjadi pentaksiran yang khusus dalam menggantikan UPSR. Kesimpulannya, kajian mencadangkan agar pembelajaran berasaskan projek diterapkan sebagai alternatif menggantikan UPSR.

Kata Kunci : Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP), Pentaksiran, Perkembangan Pembelajaran Murid, Ujian Penilaian Sekolah Rendah.

ABSTRACT

Project -Based Learning (PBL) is an active learning process that is done by processing experiences through listening, reading, writing, discussion, reflecting on stimuli and problem solving. It was chosen as an alternative learning in replacing the UPSR. The purpose of this development is to assess the development of student learning. Information from the assessment is used to plan follow -up actions. Through this PBP, teachers are given exposure to the concept, purpose, characteristics, methods, aspects assessed and application in the classroom. This article has used the questionnaire method of 17 items of questionnaire which is divided into 2 parts. Part I, relates to the background of the respondents while part II is the importance and need of assessment to replace upsir. The results show that the PBP -based assessment can be worked on as a specialized assessment to replace the UPSR. In conclusion, the study suggests that project -based learning be applied as an alternative to the UPSR.

Keywords: Project Based Learning (PBL), Assessment, Student Learning Development, Primary School Assessment Test.

1. PENDAHULUAN

Artikel ini menfokuskan rasional untuk menggunakan pendekatan PBP sebagai alternatif dalam menggantikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Pembelajaran berasaskan projek merupakan suatu model pembelajaran yang dimulai dari perancangan dan perkembangan projek dengan menghasilkan suatu karya berupa produk yang dapat dipersembahkan (Patton, 2012). Pembelajaran secara aktif dilakukan dengan mengolah pengalaman melalui cara mendengar, membaca, menulis, perbincangan, merefleksi rangsangan dan menyelesaikan masalah. Dengan demikian, keupayaan mengembangkan ketrampilan proses dapat dilakukan dengan melakukan proses pembelajaran yang terdapat kegiatan yang berorientasikan penyelesaian masalah. Objektif utama yang dapat dilihat adalah bagi menjadikan PBP sebagai alternatif (pentaksiran/pengukuran) dalam menentukan arah pembelajaran untuk murid melanjutkan

³Corresponding author: syaubari@fpm.upsi.edu.my

pengajian ke tahap menengah. Selain itu, PBP mampu melihat kecenderungan diri atau minat murid lebih berfokus. Pendedahan terhadap PBP perlu diperkenalkan terlebih dahulu kepada Pentadbir, Guru semua mata pelajaran dan murid-murid dalam kalangan tahun 4,5 dan 6. Penerapan PBP yang baik dapat memberikan kemampuan yang bermanfaat bagi murid yang mana selain dapat memberi motivasi yang tinggi, murid juga akan menjadi lebih aktif dalam pembelajarannya dan dapat menghasilkan hasil kerja yang berkualiti tinggi. Menurut Anatta (2007) menyebut beberapa kelebihan dari PBP antaranya ialah :

- a) Meningkatkan motivasi murid supaya lebih tekun dan berusaha keras untuk berjaya dalam melaksanakan projek-projek.
- b) Meningkatkan kemampuan dalam pencapaian menyelesaikan masalah dari berbagai sumber dan dapat melahirkan murid yang lebih aktif dan berhasil menyelesaikan masalah.
- c) Meningkatkan kerjasama, pentingnya kerjasama dalam melaksanakan projek serta dapat memperluaskan komuniti sehingga terhasilnya konsep saling memberi dan menerima dalam melaksanakan sesuatu projek.

1.1 Rasional untuk Menggunakan Pendekatan PBP dalam Memperkasakan PBD

Pembelajaran Berasaskan Projek adalah satu pendekatan pedagogi yang merangsang kemahiran abad ke 21. Pengkaji-pengkaji seperti Balakrishnan (2009) berpendapat bahawa PBP sesuai digunakan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. PBP dianggap sebagai satu amalan terbaik dalam bidang proses pembelajaran dan bersesuaian dengan proses pembelajaran abad ke-2. PBP merupakan satu pendekatan jangka masa panjang yang meraikan kebolehan, kemahiran berfikir serta bakat murid. Beberapa perkara kita perlu ketahui tentang Pembelajaran Berasaskan Projek ialah PBP mempunyai tempoh tertentu menjangkau masa dalam kelas, mampu mengasah pengetahuan dan kemahiran murid ke arah menjayakan projek, melibatkan murid dalam kerjasama skala besar dan murid diberi pilihan memilih kaedah mereka sendiri, dan guru berperanan sebagai pembimbing sahaja dan tidak menentukan kaedah yang perlu digunakan.

Pelaksanaan PBP ini akan melibatkan keseluruhan pelajar tahap 2 sekolah rendah yang akan didedahkan dengan penilaian berasaskan projek yang diintegrasikan dengan elemen kognitif, afektif, psikomotor dan spritual. Pelaksanaan ini perlu penglibatan yang menyeluruh daripada pentadbir sekolah dan guru-guru. Pendedahan yang berterusan guru-guru adalah penting dalam menentukan penilaian PBP ini dapat mengukur keseluruhan domain pelajar dalam memastikan penggantian UPSR tidak menjejaskan kualiti pelajar. Rasional yang memperlihatkan PBP wajar diangkat menjadi alternatif penggantian UPSR adalah kerana proses PBP sebahagian besarnya berpusatkan pelajar. Ia dapat membantu pelajar memberi tumpuan kepada bentuk (berasaskan pengetahuan) serta makna (berasaskan komunikasi). PBP menetapkan proses pembelajaran yang mengikuti pendekatan proses (Bagaimana saya mencapai matlamat saya) dan juga pendekatan produk (Apakah yang telah saya capai?) dan hal ini dilihat mampu memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan kepada pelajar.

Dalam pada itu, PBP adalah satu sistem yang boleh membantu mengkaji perubahan dalam sikap pelajar dan ianya juga mampu membantu pelajar menetapkan matlamat pembelajaran dan merancang kemajuan mereka ke arah itu. Selain dari dapat mendorong pelajar untuk melibatkan diri dalam penggunaan bahasa untuk komunikasi yang tulen, PBP juga dapat menggalakkan pelajar untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan bekerja secara berdikari di luar waktu kelas. Justeru, dapat dilihat juga bahasa PBP mampu mendorong pelajar untuk lebih bersikap terbuka kerana prosesnya yang menekankan kerjasama, rundingan, interaksi dan refleksi. Justeru, amat penting untuk guru mahupun guru-guru yang telah berpengalaman didedahkan kepada PBP untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti dan bijak membuat pilihan kaedah pengajaran.

2. OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengetahui kaedah pembelajaran alternatif dalam menggantikan UPSR
- b) Menilai pentaksiran berasaskan projek adalah alternatif dalam menggantikan UPSR

3. METODOLOGI KAJIAN

3.1 *Reka Bentuk Kajian*

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan komponen utama.

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif iaitu min bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah tanpa melakukan generalisasikan. Kajian ini menggunakan instrumen bagaimana kaedah pentaksiran berasaskan projek adalah alternatif dalam menggantikan UPSR

3.2 *Populasi dan Sampel Kajian*

Kajian ini melibatkan guru-guru di Negeri Perak dengan pembahagian taburan kajian menggunakan tiga zon utama Perak melibatkan Perak Utara, Perak Tengah dan Perak Selatan. Berdasarkan jadual (Krajie & Morgan, 1970, Mohd Majid, 2005; Cohen, 2007).

3.3 *Instrumen Kajian*

Instrumen kajian atau alat kajian yang digunakan dalam ujian ini adalah set soal selidik. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Pada bahagian I terdapat beberapa item berkenaan latar belakang responden. Pada bahagian II pula adalah instrumen yang terdiri daripada 30 soalan berkaitan persoalan tahap keperluan penilaian bagi menggantikan UPSR. Soal selidik ini telah diubah suai daripada instrumen Pemantauan Jemaah Nazir ii) Soal selidik yang dilakukan di dalam amalan pengajaran berpusatkan pelajar iii) Instrumen penilaian pengajaran sekolah Harian dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kesemua soal selidik ini telah diteliti terlebih dahulu untuk memastikan setiap responden telah mengikut arahan yang tepat agar dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan. Setelah berkeyakinan dengan keseluruhan item soal selidik, penyelidik telah menetapkan pengesahan pakar bagi item-item yang terdapat dalam instrument. Penyelidik telah memilih tiga orang pakar daripada pelbagai bidang seperti pakar penilaian pendidikan, pakar pedagogi dan pakar metodologi kajian (Mohd Majid, 2005 ; Pallant J, 2010).

3.4 *Pengumpulan dan Analisis Data*

Setiap item soal selidik dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan telah di analisis menggunakan Alpha *Cronbach* seperti dalam jadual di bawah

Jadual 1 : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Pembolehubah	Nilai Alpha Cronbach
Keseluruhan	0.8217

Berdasarkan dapatan data *Cronbach Alpha (CA)* menunjukkan dapatan keseluruhan bagi setiap item adalah tinggi iaitu 0.8217. Menurut (Creswell, 2009), sekiranya nilai CA dalam lingkungan 0.7 sehingga 0.9, instrumen yang digunakan adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Untuk itu, instrumen yang digunakan ini adalah boleh digunakan berdasarkan nilai CA yang diperolehi. Keseluruhan data ini dikutip melalui perbincangan di antara pihak sekolah dengan penyelidik berdasarkan tatacara pengumpulan data. Penyelidik telah

menetapkan tarikh yang bersesuaian untuk mengumpulkan data mengikut tarikh zon yang telah ditetapkan.

Skala Likert lima mata telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan.

4. DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan terhadap 58 orang responden mendapati bahawa rata-rata mereka bersetuju terhadap cadangan Pentaksiran Berasaskan Projek (PBP) Sebagai Alternatif Pengganti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Berikut adalah hasil dapatan dalam menilai beberapa aspek kepentingan dan keperluan penilaian bagi menggantikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah.

Jadual 2: Kepentingan dan Keperluan Penilaian bagi Menggantikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah

Bil	Item	STS	TS	SS	S	SS	Min
1	Satu proses mendapatkan gambaran tentang prestasi murid dalam pembelajaran			2%	46%	52%	4.5
2	Menilai aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran			2%	46%	52%	4.5
3	Mendapatkan maklumat secara berterusan bagi memperbaiki proses pengajaran-pembelajaran				46%	54%	4.54
4	Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan sistematik bersesuaian dengan tahap keupayaan murid				48%	52%	4.52
5	Melibatkan semua atau sebahagian besar murid dalam kelas secara efektif				50%	50%	4.5
6	Merancang dan melaksanakan aktiviti tindak susul yang berkesan				50%	50%	4.5
7	Memperbaiki pengajaran dan pembelajaran				46%	54%	4.54

Melalui jadual 2 di atas, item 1 yang dinyatakan adalah PBP merupakan satu proses mendapatkan gambaran tentang prestasi murid dalam pembelajaran. 1 orang (2%) menyatakan sederhana setuju manakala 23 orang (46%) setuju dan 26 orang (52%) sangat setuju terhadap pernyataan tersebut. Sewaktu melaksanakan PBP, guru dapat melihat kecenderungan pelajar melalui tindakan atau pelaksanaan sesuatu projek oleh pelajar. Hal ini sekaligus dapat memberi gambaran mengenai prestasi murid samada mereka dapat memahami arahan yang diberikan ataupun sebaliknya. Item 2 menyatakan bahawa pentingnya penilaian adalah untuk menilai aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran. 1 orang (2%) menyatakan sederhana setuju manakala 23 orang (46%) setuju dan 26 orang (52%) sangat setuju terhadap pernyataan tersebut Phopham (1975) menafsirkan penilaian yang sistematik mestilah mengandungi satu tafsiran yang formal tentang nilai fenomena pendidikan. Secara menyeluruh, penilaian pendidikan mencakupi aspek-aspek seperti hasil pengajaran, program pengajaran dan matlamat ke arah usaha pengajaran itu ditentukan.

Melalui item 3, dapat dilihat bahawa penilaian boleh mendapatkan maklumat secara berterusan bagi memperbaiki proses pengajaran-pembelajaran. 23 orang (46%) setuju dan 27 orang (54%)

sangat setuju terhadap pernyataan tersebut. TenBrink (1974), menyatakan bahawa penilaian adalah suatu proses mendapatkan maklumat yang akan digunakan untuk membuat pertimbangan yang seterusnya digunakan dalam membuat keputusan. Hal ini sememangnya membantu guru membuat keputusan untuk mengukur tahap kefahaman dan pencapaian pelajar terutama bagi pelajar darjah 6 yang mana akan perlu melalui penilaian sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Item 4 pula mengemukakan bahawa penilaian merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan sistematik bersesuaian dengan tahap keupayaan murid. 24 orang (48%) setuju dan 26 orang (52%) sangat setuju terhadap pernyataan tersebut. Keupayaan murid biasanya didorong juga oleh minat mereka. Foo Siet Chooi (1988) menyatakan dengan adanya minat, usaha dan semangat yang tinggi untuk belajar, pencapaian belajar akan bertambah. Oleh itu, didapati bahawa minat, semangat serta usaha untuk belajar adalah penting kerana aktiviti pengajaran yang baik tidak menjamin pencapaian yang baik bagi seseorang pelajar sekiranya mereka sendiri tidak mempunyai minat.

Seterusnya pada item 5, 25 orang (50%) setuju dan 25 orang (50%) sangat setuju terhadap pernyataan bahawa penilaian adalah melibatkan semua atau sebahagian besar murid dalam kelas secara efektif. Abu Bakar Nordin (1990) menyatakan bahawa penilaian amat penting bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran selain memastikan para pelajar tidak tergelincir daripada mengikuti sukatan mata pelajaran yang telah ditetapkan. Adalah penting usaha membentuk pelajar mencakupi segala aspek ini sentiasa dikaji bagi memastikan keberkesanan sukatan dan aktiviti yang dijalankan dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pada item 6 pula iaitu penilaian dapat merancang dan melaksanakan aktiviti tindak susul yang berkesan, 25 orang (50%) setuju dan 25 orang (50%) sangat setuju terhadap pernyataan tersebut. Seterusnya bagi item 7, 23 orang (46%) dan 27 (54%) bersetuju dengan pernyataan bahawa penilaian dapat memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses PdP. Maklumat yang diperoleh daripada pentaksiran ini boleh digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran murid dan tahap penguasaan mereka

5. PELAKSANAAN PBP SEBAGAI PENILAIAN ALTERNATIF DI SEKOLAH

Fasa 1 (Pendedahan Awal PBP Terhadap Guru)

Pendedahan awal mengenai PBP adalah penting untuk memastikan guru-guru lebih bersedia terhadap penerapan PBP dalam PBD. Hal ini juga bertujuan untuk menentukan penilaian PBP ini dapat mengukur keseluruhan domain pelajar dalam memastikan penggantian UPSR tidak menjejaskan kualiti pelajar. Namun begitu PBP juga boleh berlaku untuk melihat pencapaian atau penguasaan murid selepas sesuatu tempoh yang bersesuaian, melalui pentaksiran sumatif. PBP membolehkan murid, guru, ibu bapa, dan pihak sekolah mengetahui kualiti pembelajaran murid. Pentaksiran ini dilihat sebagai Pentaksiran Tentang Pembelajaran (Assessment Of Learning).

Fasa 2 (Pelaksanaan Penilaian PBP Oleh Guru)

Terdapat beberapa aspek pentaksiran yang boleh dirujuk seperti pentaksiran untuk pembelajaran. Pentaksiran untuk pembelajaran juga dirujuk sebagai pentaksiran formatif. Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses PdP. Maklumat yang diperoleh daripada pentaksiran ini boleh digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran murid dan tahap penguasaan mereka. Berdasarkan tujuan ini, pentaksiran ini juga dikenali sebagai pentaksiran diagnostik. Satu contoh pentaksiran dalam aspek PBP adalah dengan mendorong pelajar untuk merancang projek, membangunkan projek serta mempersembahkan projek. Guru perlu membuat penilaian berdasarkan aspek-aspek yang telah digariskan dalam setiap elemen tersebut.

Fasa 3 (Penganalisan dapatan PBP oleh guru)

Setelah penilaian dibuat oleh guru. Guru perlu membuat analisis terhadap dapatan melalui penilaian yang telah dilaksanakan. guru perlu menetapkan kaedah pentaksiran yang sesuai samada secara lisan, bertulis atau secara pemerhatian. Hal ini penting untuk guru merekod serta menganalisis penguasaan murid tidak kira dalam bentuk pernyataan, simbol, markah atau gred. Rekod ini juga boleh dilakukan dalam rekod mengajar, buku catatan guru, senarai semak dan templat pelaporan. Seterusnya guru dapat memilih tindakan susulan yang sesuai dan membuat laporan yang merangkumi tahap penguasaan, pernyataan tentang minat, sikap dan perlakuan serta cadangan tindakan susulan.

Fasa 4 (Elemen penilaian PBL terhadap pelajar)

Pencapaian terdiri daripada mencapai tujuan atau mencapai sesuatu yang diinginkan. Dalam konteks pendidikan, pencapaian merupakan satu hasil daripada pembelajaran yang telah berlangsung. Contohnya adalah seperti pencapaian pelajar setelah berlangsungnya Pembelajaran Berasaskan Projek. Guru perlu mengambil inisiatif berhubung dengan ibubapa pelajar bagi membincangkan atau memberi pendedahan kepada mereka mengenai prestasi dan pencapaian pelajar tidak kira secara bersemuka mahupun secara atas talian. Keputusan pencapaian pelajar kemudian perlu dinilai secara melihat kecenderungan pelajar serta tahap penguasaan pelajar itu sendiri untuk menentukan pelajar dapat melayakkan diri ke sekolah aliran sains, agama, atau lain-lain. Menilai kecenderungan pelajar adalah penting bagi memastikan pelajar dapat mengembangkan minat dan keupayaan mereka. Elemen yang dinilai adalah berbeza mengikut tahap pembelajaran pelajar seperti yang dinyatakan dalam rajah di bawah :

TAHUN 4	TAHUN 5	TAHUN 6
Kemahiran Kepimpinan	Kemahiran Kepimpinan	Kemahiran Kepimpinan
Kemahiran Tolerensi	Kemahiran Tolerensi	Kemahiran Tolerensi
Kemahiran Kerjasama	Kemahiran Kerjasama	Kemahiran Kerjasama
Kemahiran komunikasi	Kemahiran komunikasi	Kemahiran komunikasi
Kemahiran Berbahasa	Kemahiran Berbahasa	Kemahiran Berbahasa
	Kemahiran Meramal	Kemahiran Meramal
	Kemahiran Analisis	Kemahiran Analisis
	Kemahiran Mengukur	Kemahiran Mengukur
	Kemahiran Interpretasi	Kemahiran Interpretasi
		Kemahiran
		Membangunkan Projek
		Kemahiran Berinovasi
		Kemahiran Membentang / Persembahan

6. CADANGAN

Kajian ini sememangnya melihat kepentingan yang jelas terhadap penilaian yang menggunakan PBP ini memandangkan ianya sebuah pembelajaran yang amat bersesuaian terhadap aspek yang telah ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Abdull Sukor Shaari (2008) dan Kamarul Azmi (2013) guru perlu berperanan sebagai pemudah cara kepada pelajarnya. Jelas bahawa, peranan guru bukan sahaja mengajar dan menilai pencapaian akademik semata-mata sebaliknya guru perlu memastikan pelajar menguasai dan mampu mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan mereka. Dengan ini dapat dilihat melalui ciri-ciri Pembelajaran Berasaskan Projek (PBK) yang diberikan dalam KIT PAK 21 Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini bermula dengan membentuk soalan bersifat provokatif, terbuka dan berkaitan dengan apa yang perlu dipelajari oleh murid. Kemudian, murid menentukan tajuk, soalan utama, sumber dan produk yang akan dihasilkan yang bermakna kepada mereka. PBP menggalakkan murid bekerja secara kolaboratif berkomunikasi dan menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam situasi yang sebenar. Murid berpeluang meningkatkan kemahiran 4C melalui penilaian sendiri. Hal ini akan

mendorong murid untuk membina lebih banyak soalan berdasarkan soalan utama, membuat hipotesis, dan terbuka kepada idea dan perspektif baru. Melalui PBP, murid memberi pandangan berdasarkan contoh dan rubrik untuk menambahbaik hasil produk serta pandangan daripada pakar juga digalakkan. Akhir sekali, murid membentangkan produk dan membuat refleksi terdapat produk kepada audiens yang autentik.

7. PENUTUP

Isu pemansuhan UPSR sememangnya wajar diberi perhatian yang lebih memandangkan ianya merupakan satu penilaian yang besar untuk mengukur potensi pelajar sekolah rendah bagi melayakkan ke sekolah menengah mengikut prestasi yang ditunjukkan. Dalam hal ini, PBP menjadi satu idea dan inisiatif bagi menggantikan ujian tersebut. Rata-rata negara maju yang sudah kehadapan kebanyakannya menerapkan pembelajaran secara PBP. Dengan adanya penilaian alaf baharu ini semoga dapat mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran di negara kita sekaligus mempertingkatkan lagi kualiti prestasi pelajar yang ditonjolkan melalui pentaksiran tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Rafie Mahat (1997). *Kualiti dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publishing and Distribution
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2006). *Project Based Learning Handbook*. Kuala Lumpur: Bahagian Teknologi Pendidikan.
- Daud, I. (2003). *Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Melaksanakan Standard ISO 9000*. Tesis Sarjana. Bangi : UKM Innovation and Business Skills Australia,
- France Cheong. 2008. Using a problem-based learning approach to teach an intelligent systems course. *Journal of InformationTechnology Education*, 7: 47- 60.
- IBSA (2012). *Competency Based Assessment*. Australia. Retrieved from: <https://www.ibsa.org.au/tae10-resources>.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (1990). *Pemikiran Al Ghazali tentang pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irwan Hidayat. 2018. *Imbasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Pendidik, 1: 14-18
- Kamarul Azmi Jasmi. (2013). *Pembelajaran aktif dalam Pendidikan Islam: pengamalan guru cemerlang Pendidikan Islam*. Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia, 24-25 September.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM.
- Syakirah Shamsudin. (2011). *Pembelajaran berasaskan masalah*. dalam Nurulhuda Abdul Rahman. *Strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Pearson (M) Sdn. Bhd.